
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SBW221 – Teknologi dan Masyarakat

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Apakah perbezaan konsep “pengelutan” yang digunakan dalam Teori Marx dan Teori Semasa? (100 markah)
2. Ogburn telah mengemukakan konsep Evolusi Budaya bagi menerangkan proses perkembangan teknologi. Bagaimanakah konsep ini dapat dikaitkan dengan masalah kelambatan budaya ataupun “culture lag”? (100 markah)
3. Apakah yang dimaksudkan dengan komuniti siber? Bagaimanakah kemunculan komuniti siber telah mengubah sistem-sistem yang ada dalam masyarakat? (100 markah)

...2/-

4. Perkembangan sektor elektronik (bahagian pengeluaran dan pembuatan) telah menggalakkan peningkatan penglibatan tenaga wanita dalam pasaran buruh. Bincangkan:
- a) Sejauhmanakah perkembangan sektor tersebut berupaya mengubah status dan kedudukan wanita dalam masyarakat. (50 markah)
 - b) Apakah implikasi perkembangan sektor tersebut terhadap penglibatan wanita dalam sektor pertanian? (50 markah)
5. Perpindahan teknologi merupakan satu dasar yang diamalkan oleh negara ini bagi mempercepatkan proses perindustrian di negara ini.
- a) Terangkan secara ringkas dasar kerajaan dalam konteks perpindahan teknologi di negara ini. (30 markah)
 - b) Bincangkan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia bagi menggalakkan usaha perpindahan teknologi di negara ini. (40 markah)
 - c) Apakah penilaian anda terhadap teknologi yang dipindahkan ke negara ini? (30 markah)
6. Perkembangan teknologi dikatakan lebih memberi keutamaan kepada kepentingan kapitalis berbanding etika manusia. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan ini? (100 markah)

- 000 0 000 -